

Pengarah
Tetuan Chak & Associates
72, Jalan Market
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

No. Rujukan Tuan :
No. Rujukan Kami : HDN.A.01/130/12/2
Tarikh : 31 Disember 2012

Tuan,

Majlis Dialog Bersama Ejen Cukai

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Ipoh akan menganjurkan satu Majlis Dialog Bersama Ejen Cukai seperti berikut:

Tarikh : 15 Januari 2013 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 tengahari
Tempat : Dewan Hasil, Tingkat 8, Menara Hasil
LHDNM Cawangan Ipoh

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk mengemukakan maklumat-maklumat berikut:

- 3.1 Nama peserta, firma yang diwakili dan nombor untuk dihubungi; dan
- 3.2 Soalan-soalan yang akan diajukan semasa sesi dialog tersebut

4. Sila kemukakan semua maklumat yang diperlukan kepada pihak LHDNM Cawangan Ipoh sebelum atau pada 9 Januari 2013. Untuk makluman pihak tuan, had penyertaan adalah seorang peserta bagi setiap firma ejen cukai.

5. Bersama-sama ini dikepilkan lampiran kehadiran dan aturcara majlis untuk rujukan dan tindakan pihak tuan. Sila maklumkan sekiranya terdapat peserta yang 'vegetarian' untuk tujuan penyediaan makanan.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(SITI ZALIHA BINTI GHAZALI)
Timbalan Pengarah Cawangan
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Ipoh
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

ATURCARA MAJLIS

8.00 pagi – 9.00 pagi : Pendaftaran dan minum pagi

9.00 pagi – 12.30 tghari : Nyanyian lagu 'Negaraku' dan 'Hasil Berjasa'

Bacaan doa

Ucapan aluan oleh Puan Wan Azni Binti Wan Hassan
Pengarah Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Perak

Taklimat Borang Q oleh Puan Ting Suk Tin
Pengarah Bahagian Penyelarasan
Pejabat Pengarah Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Perak

Sesi Majlis Dialog

12.30 tghari – 2.00 ptg : Makan tengahari

2.00 ptg : Bersurai

